

# Sharmini jadi penyelamat

**Palembang:** S Shree Sharmini (**gambar**) menyelamatkan emas buat negara apabila memastikan kemenangan 2-1 berdepan Indonesia dalam saingan acara karate wanita kumite berpasukan di Graha Serbaguna Jakabaring, semalam.

Sharmini tampil ke gelanggang ketika pasukan negara seri 1-1 selepas M Mathivani tewas dan memerlukan kemenangan pada pertemuan terakhir itu.

Juara acara individu dan berpasukan Sukan SEA Myanmar serta pingat gangsa Sukan Asia itu menggunakan pengalaman dimilikinya untuk kekal tenang sebelum menewaskan lawannya itu dengan kemenangan 2-0.

“Ketika saya masuk ke

gelanggang, kami ada satu kemenangan menerusi A Nisha tetapi Mathivani kalah, dan saya perlu berhati-hati untuk tidak memberikan mata buat lawan.

## Raih 6 emas

“Kerana itu ketika mendahului 2-0 saya terus bertahan dan tidak memberi peluang buat lawan menyepak kerana ia akan memberikan tiga mata,” kata pelajar Universiti Putra Malaysia berusia 22 tahun itu.

Katanya, dia agak gementar kerana kali pertama beraksi pada AUG dan tidak pernah bertemu

lawannya terutama dari Indonesia.

Sementara itu pasukan kumite lelaki menerusi G Theeban, Prem Kumar serta K Teagarajan hanya berpuas hati dengan gangsa apabila tewas 0-3 di tangan Indonesia.

Jurulatih negara, S Sukumaran berkata dia gembira dengan pencapaian enam emas

pada kali ini tetapi agak kurang berpuas hati dengan juri yang dilihat banyak memihak kepada atlet tuan rumah.

